

SOALAN NO: 56

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB DATO' AR. WAN MOHAMMAD KHAIR-IL
ANUAR BIN WAN AHMAD [KUALA KANGSAR]**

TARIKH :

SOALAN :

YB Dato' Ar. Wan Mohammad Khair-il Anuar bin Wan Ahmad [Kuala Kangsar] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan pelan pemantauan yang telah dibuat bagi mencegah penyebaran semula wabak H1N1 yang baru-baru ini telah menyebabkan dua kematian.

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan bahawa Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) dan negara-negara di dunia tidak lagi memantau jangkitan virus influenza A(H1N1) secara khusus serta tiada keperluan bagi mana-mana negara untuk melaporkan kejadian kes influenza A(H1N1) kepada WHO. Ini disebabkan cara jangkitan, tanda-tanda jangkitan dan risiko untuk mendapat jangkitan dan komplikasi akibat influenza A(H1N1) adalah serupa dengan influenza bermusim (*seasonal influenza*) yang lain.

Cara jangkitan virus influenza bermusim termasuk influenza A(H1N1) di dalam komuniti adalah melalui cecair (*droplet*) batuk atau bersin. Ia menyebabkan demam selsema (*flu*) yang ringan, namun semua jenis virus influenza boleh menyebabkan jangkitan yang teruk seperti pneumonia kepada kumpulan risiko seperti kanak-kanak, warga tua, wanita mengandung dan mereka yang mempunyai penyakit-penyakit kronik seperti kencing manis (*diabetes*). Demam selsema atau flu sangat mudah berjangkit (*contagious*), di mana penularan menjadi mudah berlaku di tempat-tempat padat seperti sekolah, asrama, tempat kerja tertutup, institusi latihan, serta kem-kem tentera dan polis.

Tuan Yang di-Pertua,

Sebagai langkah-langkah kesiapsiagaan, KKM melakukan pemantauan situasi influenza di negara ini bagi mengesan kejadian luar biasa melalui *Influenza Surveillance System* (MISS) termasuk *Influenza-like Illness* (ILI), pesakit yang dimasukkan ke hospital dengan *Severe Acute Respiratory Infection* (SARI) dan juga pesakit dengan jangkitan saluran pernafasan yang teruk yang dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU). Makmal Kesihatan Awam Kebangsaan (MKAK) dan Institut Penyelidikan Perubatan (IMR) juga bertanggungjawab bagi memantau jenis virus influenza di Malaysia.

Sekiranya terdapat wabak influenza A(H1N1), tindakan dan langkah-langkah kawalan serta pencegahan seperti wabak penyakit berjangkit yang lain akan diambil oleh Pejabat Kesihatan Daerah yang berkaitan;

- i. Siasatan kes dijalankan;

- ii. Saringan kesihatan (*active case detection*) akan dilakukan kepada kontak kes;
- iii. Aktiviti kawalan dan pencegahan akan dilakukan di kawasan (rumah/institusi) kes tersebut seperti kerja-kerja pembersihan dan aktiviti disinfeksi; dan
- iv. Pendidikan kesihatan mengenai penyakit juga akan diberikan termasuk edaran risalah berkaitan.